

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

|                                                            |   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|------------------------------------------------------------|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>CADANGAN</b>                                            | : | Menjalankan Hari Produktiviti Bersama Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) Negeri Sabah 2019                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| <b>TARIKH</b>                                              | : | 22 November 2019                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>ANGGARAN KOS TERLIBAT</b>                               | : | RM 15,000.00                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>JABATAN/CAWANGAN/UNIT</b>                               | : | MPC Wilayah Sabah (SBO)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| <b>IMPAK KEPADA RAKYAT</b>                                 | : | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Sebagai platform untuk menyebarluas fungsi MPC dalam membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam sektor awam dan swasta</li><li>2. Meningkatkan kesedaran berkaitan kecekapan proses dalam sistem pengeluaran dan perkhidmatan dikalangan pemain industri di Negeri Sabah.</li><li>3. Mewujudkan kesedaran berkaitan kepentingan perlaksanaan sistem pengurusan lean dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.</li><li>4. Memberi pendedahan berkaitan halatuju Industri 4.0 di Malaysia</li></ol> |
| <b>LEBIHAN PERUNTUKAN BAJET/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN</b> | : | Bajet Pembangunan (T5-MPB)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT</b>                      | : |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |

# KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

## Tajuk:

Menjalankan Hari Produktiviti Bersama Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) Negeri Sabah 2019

### 1.0 Tujuan

Tujuan kertas kerja ini untuk memaklum dan mendapat pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi meluluskan pelaksanaan Hari Produktiviti Bersama MEF Negeri Sabah 2019. Program ini akan dilaksanakan di bawah bajet T5 yang ditawarkan oleh pihak DMO.

### 2.0 Latar belakang

- 2.1 Susulan dari perbincangan pengemaskinian Bajet T5, sekretariat DMO T5 telah memperuntukan sebanyak RM15,000 untuk setiap pejabat wilayah bagi menganjurkan program Hari Produktiviti di mana-mana syarikata atau organisasi wilayah masing-masing.
- 2.1 MPC SBO telah melaksanakan Program Hari Produktiviti Bersama Komuniti Penampang pada 4 Mei 2019 di Hotel D'Arc, Penampang yang dirasmikan oleh Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Darell Leiking.
- 2.3 Sekretariat DMO T5 memberi pilihan kepada wilayah yang telah melaksanakan Hari Produktiviti untuk menganjurkannya bagi kali yang seterusnya.

### 3.0 Faedah – Faedah Program

- 3.1 Sebagai platform untuk menyebarkan fungsi MPC dalam membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam sektor awam dan swasta
- 3.2 Meningkatkan kesedaran berkaitan kecekapan proses dalam sistem pengeluaran dan perkhidmatan dikalangan pemain industri di Negeri Sabah.
- 3.3 Mewujudkan kesedaran berkaitan kepentingan perlaksanaan sistem pengurusan lean dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.
- 3.4 Memberi pendedahan berkaitan halatuju Industri 4.0 di Malaysia.

### 4.0 Kaedah Pelaksanaan

- 4.1 Penyertaan: Program Hari Produktiviti ini akan dilaksanakan bersama Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) Negeri Sabah 2019. Sasaran penyertaan adalah terdiri daripada ahli MEF dan organisasi di bawah MEF. Sasaran peserta adalah sebanyak 100 orang.

- 4.2 Acara Hari Produktiviti adalah Seminar Industri 4.0 dan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman pelaksanaan projek pengurusan Lean dengan pihak MEF.
- 4.3 Tentaif tarikh, tempat dan aturcara program Hari Produktiviti Bersama MEF Negeri Sabah 2019 adalah seperti **Lampiran I**.
- 4.4 Taklimat mengenai halatuju industri 4.0 dan sesi perkongsian amalan terbaik industri 4.0 di Malaysia akan dijalankan semasa seminar ini.
- 4.5 Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman pelaksanaan projek pengurusan Lean di antara MPC dan MEF akan dijalankan semasa seminar ini.

## 5.0 Anggaran Kos dan Peruntukan Bajet T5.

- 5.1 Anggaran agihan peruntukan dan perbandingan anggaran perbelanjaan hotel adalah sebagaimana dengan peruntukan dari pihak DMO T5 seperti **Lampiran II** dan **Lampiran III**.
- 5.2 Baki peruntukan (setelah ditolak bayaran kos sebenar) akan dipohon oleh MPC SBO sebagai yuran pengurusan.
- 5.3 Tututan yuran pengurusan akan dilaksanakan setelah program tersebut disempurnakan, tuntutan kontra hasil akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan mengikut prosedur yang ditetapkan.

## 6.0 SYOR

- 6.1 Lembaga Pengurusan MPC dimohon untuk mempertimbangkan dan meluluskan syor peruntukkan bagi pelaksanaan Hari Produktiviti Bersama Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) Negeri Sabah 2019 dengan kos sebanyak RM15,000 dengan menggunakan Bajet Pembangunan (T5-MPB).

|             | Disediakan                                                                          | Disemak dan Disahkan                                                                  |
|-------------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| Tandatangan |  |  |
| Nama        | Ingrid Ng Edy                                                                       | Izani Ishak                                                                           |
| Jawatan     | Penolong Pengurus                                                                   | Pengarah                                                                              |
| Jabatan     | MPC Wilayah Sabah                                                                   | MPC Wilayah Sabah                                                                     |
| Tarikh      | 13 Nov 2019                                                                         | 13 Nov 2019                                                                           |

**ATURCARA PROGRAM**  
**HARI PRODUKTIVITI BERSAMA**  
**PERSEKUTUAN MAJIKAN-MAJIKAN MALAYSIA (MEF) NEGERI SABAH 2019**  
22 Nov 2019 (Jumaat)  
The Magellan Sutera Resort

| <b>MASA</b>      | <b>AGENDA</b>                                                                                                                                                                                                                         |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.00 tengah hari | <b>Pendaftaran</b>                                                                                                                                                                                                                    |
| 2.00 petang      | Ketibaan:<br>Y.Bhg. Tan Sri Azman Shah Dato' Seri Haron<br>Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)<br>Y.Bhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman<br>Ketua Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)                   |
| 2.15 petang      | Ucapan Aluan oleh<br>Y. Bhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman<br>Ketua Pengarah, MPC                                                                                                                                                   |
| 2.30 petang      | Ucapan Perasmian oleh<br>Y.Bhg. Tan Sri Azman Shah Dato' Seri Haron<br>Presiden, MEF                                                                                                                                                  |
| 2.45 petang      | Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) Pelaksanaan<br>Projek Pengurusan Lean<br><br>Majlis penyampaian cenderahati                                                                                                           |
| 3.00 petang      | Sesi Perkongsian Amalan Terbaik <i>Industry4WRD</i><br><br>Penceramah: En. Kamaruzaman Jahidin<br>Pengasas/ Pengerusi,<br>Powernode Solution Sdn Bhd                                                                                  |
| 3.45 petang      | Sesi Taklimat Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)<br><br>Penceramah: Pegawai MEF                                                                                                                                               |
| 4.00 petang      | Sesi Taklimat <i>Industry4WRD</i> :<br>1. Enhancing SMEs' Digitalization for Better Business Performance<br>2. Readiness Assessment Online Application<br><br>Penceramah: En. Mohamad Nor Bolhi<br>Penolong Pengurus, MPC Ibu Pajabat |
| 4.30 petang      | Sesi Taklimat Pengenalan kepada Projek Pelaksanaan<br>Pembangunan Sistem Pengurusan Lean<br><br>Penceramah : Darul Adizul Ishak<br>Penolong Pengurus, MPC Sabah.                                                                      |
| 5.00 petang      | Sesi Q & A                                                                                                                                                                                                                            |
| 5.15 petang      | Networking session & jamuan minum petang                                                                                                                                                                                              |

**Aktiviti dan Pecahan Peruntukan Program Hari Produktiviti**

| <b>Bil.</b>        | <b>Aktiviti</b>                                                  | <b>Kos Per unit (RM)</b> | <b>Kuantiti</b> | <b>Jumlah (RM)</b> |
|--------------------|------------------------------------------------------------------|--------------------------|-----------------|--------------------|
| 1                  | Pakej Seminar Hotel<br><i>*jumlah orang termasuk sekretariat</i> | 90                       | *110            | 9,900              |
| 2                  | Bilik Penginapan VVIP                                            | 760                      | 2               | 1,520              |
| 3                  | Cenderahati VVIP                                                 | 100                      | 1               | 100                |
| 4                  | Token untuk penceramah                                           | 500                      | 1               | 500                |
| 5                  | Logistik untuk Penceramah<br>➤ Tiket penerbangan penceramah      | 1,290                    | 2               | 2,580              |
|                    | ➤ Logistik penceramah                                            | 200                      | 2               | 400                |
| <b>Jumlah (RM)</b> |                                                                  |                          |                 | <b>15,000</b>      |

**Jadual Perbandingan Harga Hotel**

| No            | Perkara                         | The Palace Hotel                             | The Magellan Sutura Resort                    | Le Meridien Hotel                              |
|---------------|---------------------------------|----------------------------------------------|-----------------------------------------------|------------------------------------------------|
| 1.            | <b>Half Day Meeting Package</b> | RM 90.00 x 110 pax x 1 hari<br>= RM 9,900.00 | RM 60.00 x 110 pax x 1 hari<br>= RM 6,600.00  | RM 110.00 x 110 pax x 1 hari<br>= RM 12,100.00 |
| 2.            | <b>Bilik Penginapan VVIP</b>    | RM 350.00 x 2bilik x 1 hari<br>= RM 700.00   | RM 755.00 x 2 bilik x 1 hari<br>= RM 1,510.00 | RM 370.00 x 2 bilik x 1 hari<br>= RM 740.00    |
| <b>JUMLAH</b> |                                 | <b>RM 10,600.00</b>                          | <b>RM 8,110.00</b>                            | <b>RM 12,840.00</b>                            |